

Ragam Bahasa Guru Bukan Melayu Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Melalui Youtube

(Language Varieties Used By A Non-Malay Teacher In Teaching And Learning Malay Language Through Youtube)

Sujariati Julis^{1*}, Nor Azwahanum Nor Shaid^{1*}

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p144613@siswa.ukm.edu.my, azwahanum@ukm.edu.my

Received: 7 February 2026 | Accepted: 21 April 2026 | Published: 1 May 2026

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2026.8.2.54>

Abstrak: *Kajian ini meneliti penggunaan ragam bahasa oleh guru bukan Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu melalui platform YouTube kepada pelajar bukan penutur jati. Permasalahan utama kajian ini ialah kekurangan penyelidikan yang menganalisis bahasa guru sebagai fenomena linguistik secara sistematik dalam konteks PdP digital, khususnya dengan menggunakan kerangka ragam bahasa Za'ba. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis ragam bahasa yang digunakan oleh guru bukan Melayu serta meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaannya dalam PdP Bahasa Melayu melalui YouTube. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur. Data diperolehi daripada 20 buah video pengajaran Bahasa Melayu yang dianalisis secara transkripsi verbatim serta satu sesi temu bual bersama guru yang terlibat. Data dianalisis menggunakan analisis tematik berpandukan teori ragam bahasa Za'ba. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru bukan Melayu menggunakan pelbagai ragam bahasa seperti bahasa berulang, pertanyaan ingkar, bahasa seruan, bahasa bukan, bahasa besar atau melampau, bahasa kecil, bahasa naik, bahasa turun dan bahasa jenaka secara konsisten sebagai strategi linguistik. Ragam bahasa ini berfungsi untuk menegaskan makna, menarik perhatian, membina kefahaman serta mengekalkan penglibatan pelajar dalam persekitaran PdP digital yang bersifat sehalu. Selain itu, penggunaan ragam bahasa dipengaruhi oleh tahap penguasaan bahasa pelajar, sifat PdP melalui video, latar belakang guru sebagai bukan penutur jati, keperluan pedagogi serta pengaruh persekitaran media digital. Kajian ini menyumbang kepada bidang linguistik terapan dengan memperluas aplikasi teori ragam bahasa Za'ba dalam konteks wacana pedagogi digital. Dari sudut praktikal, dapatan kajian dapat membantu guru merancang penggunaan bahasa secara lebih sedar dan strategik dalam pengajaran melalui video.*

Kata Kunci: Ragam Bahasa; Guru Bukan Melayu; Pelajar Bukan Penutur Jati; Pengajaran Bahasa Melayu Secara Digital; YouTube

Abstract: *This study examines the use of language varieties by a non-Malay teacher in teaching and learning Malay language through YouTube for non-native learners. The main issue addressed is the lack of studies that systematically analyse teacher's language as a linguistic phenomenon in digital pedagogy, particularly by applying Za'ba's theory of language varieties. This study aims to identify the types of language varieties used by a non-Malay teacher and to explore the factors influencing their use in Malay language instruction*

via YouTube. A qualitative research design was employed, involving document analysis and a semi-structured interview. The data were obtained from 20 teaching videos that were transcribed verbatim and one interview session with the teacher. The data were analysed using thematic analysis guided by Za'ba's theory of language varieties. The findings reveal that the teacher consistently employed various language varieties such as repetition, rhetorical questions, exclamatory language, negation, hyperbolic language, minimisation, climax, anti-climax, and humorous language as linguistic strategies. These varieties functioned to emphasise meaning, attract students' attention, facilitate comprehension, and sustain engagement in a one-way digital learning environment. In addition, the use of language varieties was influenced by students' language proficiency, the nature of video-based instruction, the teacher's background as a non-native speaker, pedagogical needs, and the influence of the digital media environment. This study contributes to applied linguistics by extending the application of Za'ba's theory into the domain of digital pedagogical discourse. Practically, the findings provide insights for teachers to plan their language use more consciously and strategically in video-based instruction.

Keywords: Language Varieties; Non-Malay Teacher; Non-Native Learners; Digital Malay Language Teaching; YouTube

1. Pendahuluan

Bahasa merupakan medium utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) kerana melalui bahasa segala bentuk ilmu, nilai dan kemahiran dapat disampaikan secara sistematik dan berkesan. Dalam konteks pendidikan, bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai alat penyampaian maklumat, malah berperanan sebagai wahana pembinaan makna dan perkembangan intelek pelajar (Halliday, 2007). Dalam pengajaran Bahasa Melayu, peranan bahasa menjadi lebih signifikan kerana bahasa Melayu bukan sahaja bertindak sebagai bahasa pengantar, malah sebagai bahasa yang perlu dikuasai dari segi struktur, kosa kata dan penggunaan yang sesuai dengan konteks. Penguasaan bahasa yang baik melibatkan kebolehan menggunakan bahasa secara gramatis serta selaras dengan situasi dan tujuan komunikasi (Nik Safiah Karim et al., 2015). Oleh itu, guru Bahasa Melayu bukan sahaja menyampaikan kandungan kurikulum, tetapi turut berfungsi sebagai model penggunaan bahasa yang betul kepada pelajar.

Seiring dengan perkembangan teknologi digital, landskap PdP turut mengalami perubahan yang ketara. Pengajaran kini tidak lagi terhad kepada bilik darjah tradisional, sebaliknya berkembang kepada persekitaran pembelajaran dalam talian melalui pelbagai platform digital seperti YouTube (Moorhouse, 2021). YouTube semakin mendapat perhatian sebagai medium PdP kerana sifatnya yang fleksibel, mudah diakses dan menyokong pembelajaran sendiri pelajar (Maziriri et al., 2020; Olivares-De la Fuente et al., 2025). Pelajar berpeluang mengulang tontonan video mengikut keperluan dan tahap kefahaman masing-masing, sekali gus membantu mereka memahami kandungan pembelajaran dengan lebih berkesan (Maslinda & Anuar, 2025).

Walau bagaimanapun, PdP melalui YouTube mempunyai ciri yang berbeza berbanding PdP bersemuka. Video pengajaran lazimnya bersifat sehalu dan tidak menyediakan ruang interaksi langsung secara serta-merta antara guru dan pelajar. Keadaan ini menjadikan bahasa guru sebagai sumber utama pembinaan makna dan kefahaman pelajar. Dalam persekitaran pembelajaran digital, bahasa yang digunakan oleh guru perlu lebih terancang, jelas dan

sistematik kerana ketiadaan maklum balas segera boleh menjejaskan pemahaman pelajar (Faustina et al., 2025). Oleh itu, kejelasan bahasa, struktur ujaran dan pemilihan bentuk bahasa menjadi elemen penting yang menentukan keberkesanan penyampaian pengajaran.

Dalam bidang linguistik, penggunaan bahasa tidak bersifat homogen, sebaliknya wujud dalam pelbagai bentuk variasi yang dipengaruhi oleh penutur, situasi dan tujuan komunikasi (Asmah Haji Omar, 2008). Selari dengan pandangan ini, variasi bahasa dalam bahasa Melayu merangkumi pelbagai bentuk, termasuk ragam bahasa yang merujuk kepada penggunaan bahasa yang disesuaikan mengikut konteks dan kesan yang ingin dicapai (Nik Safiah Karim et al., 2015). Konsep ragam bahasa yang diuraikan oleh Za'ba menunjukkan bahawa bahasa Melayu mempunyai pelbagai bentuk penggunaan seperti bahasa berulang, pertanyaan ingkar, bahasa seruan, bahasa besar atau melampau, bahasa kecil atau merendah, bahasa naik, bahasa turun dan bahasa jenaka yang berfungsi untuk menyampaikan maksud secara lebih berkesan bergantung pada tujuan dan situasi komunikasi (Za'ba, 1957; Za'ba, 2002). Kerangka ini membuktikan bahawa penggunaan bahasa bukan sekadar melibatkan ketepatan tatabahasa, tetapi turut mencerminkan kebijaksanaan penutur dalam memilih gaya bahasa yang sesuai dengan konteks.

Aspek ini menjadi lebih signifikan dalam pengajaran Bahasa Melayu kepada pelajar bukan penutur jati. Pelajar yang tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama memerlukan sokongan linguistik yang lebih terancang dan sistematik bagi membina kefahaman terhadap bahasa sasaran (Lightbown & Spada, 2021). Dalam konteks Malaysia yang bersifat majmuk, guru Bahasa Melayu sering berhadapan dengan pelajar yang lebih dominan dalam bahasa Inggeris atau bahasa ibunda lain seperti Mandarin dan Tamil. Oleh itu, guru perlu menyesuaikan penggunaan bahasa agar sejajar dengan tahap linguistik dan latar belakang pelajar (Hasumi & Chiu, 2024).

Dalam situasi ini, guru bukan Melayu berada dalam kedudukan yang unik kerana mereka menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa profesional dan akademik, bukan sebagai bahasa ibunda. Keadaan ini menjadikan penggunaan bahasa oleh guru bukan Melayu sebagai sumber data linguistik yang bernilai untuk meneliti bagaimana ragam bahasa dimanfaatkan sebagai strategi pedagogi. Dalam konteks PdP Bahasa Melayu melalui YouTube, analisis terhadap penggunaan ragam bahasa oleh guru bukan Melayu berpotensi memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan bahasa sebagai strategi linguistik dan pedagogi dalam wacana pengajaran digital.

2. Pernyataan Masalah

Penggunaan YouTube sebagai medium pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa semakin meluas kerana keupayaannya menyokong pembelajaran sendiri, fleksibiliti masa dan capaian yang luas kepada pelajar (Maziriri et al., 2020; Olivares-De la Fuente et al., 2025). Namun, kebanyakan kajian yang meneliti PdP melalui YouTube lebih banyak memfokuskan keberkesanan medium dari sudut motivasi, penglibatan dan hasil pembelajaran pelajar, berbanding bahasa guru sebagai instrumen utama penyampaian ilmu. Dalam konteks PdP digital yang bersifat sehala, keberkesanan pengajaran sangat bergantung kepada kejelasan dan kualiti bahasa yang digunakan oleh guru (Faustina et al., 2025). Hal ini menunjukkan bahawa bahasa guru seharusnya dianalisis bukan sekadar sebagai medium komunikasi, tetapi sebagai unsur linguistik yang membentuk kefahaman pelajar secara langsung.

Walau bagaimanapun, penyelidikan berkaitan PdP bahasa melalui YouTube masih kurang meneliti bahasa guru sebagai unit analisis linguistik utama. Haruna dan Hasnah (2023) mendapati bahawa kajian-kajian terdahulu lebih menumpukan aspek pedagogi digital dan penerimaan pelajar terhadap penggunaan YouTube, tanpa menganalisis struktur dan variasi bahasa guru secara terperinci. Hasumi dan Chiu (2024) pula menegaskan bahawa walaupun pengajaran melalui video memerlukan perancangan bahasa yang lebih teliti, kebanyakan kajian masih menilai komunikasi guru secara umum dan tidak mengklasifikasikan penggunaan bahasa tersebut melalui kerangka linguistik yang sistematik. Keadaan ini mewujudkan jurang yang jelas dalam pemahaman tentang bagaimana bahasa guru berfungsi sebagai fenomena linguistik dalam PdP digital.

Masalah ini menjadi lebih signifikan dalam konteks pengajaran oleh guru bukan penutur jati atau guru bukan Melayu. Sebahagian besar kajian berkaitan guru bukan penutur jati masih tertumpu kepada pengajaran bahasa Inggeris dan jarang diaplikasikan dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu. Ali Fuad Selvi et al. (2024) menegaskan bahawa guru bukan penutur jati sering dinilai melalui paradigma native-speakerism, sedangkan mereka memiliki kekuatan linguistik dan pedagogi yang tersendiri. Kajian-kajian oleh Nauryzbayeva (2024) dan Nigar (2024) menunjukkan bahawa guru bukan penutur jati menggunakan strategi bahasa yang unik untuk menyesuaikan pengajaran dengan tahap kefahaman pelajar, namun perbincangan tersebut lebih tertumpu kepada identiti profesional dan amalan pengajaran, bukan kepada analisis bahasa sebagai fenomena linguistik yang boleh dikategorikan secara sistematik.

Selain itu, dalam konteks pelajar bukan penutur jati, bahasa guru berfungsi sebagai jambatan utama antara bahasa pertama pelajar dan bahasa sasaran. Pannatier dan Betrancourt (2023) menegaskan bahawa pelajar sering menghadapi kesukaran memproses maklumat daripada video sekiranya bahasa yang digunakan tidak sejajar dengan tahap linguistik mereka, sekali gus meningkatkan beban kognitif. Dalam PdP Bahasa Melayu, situasi ini menjadi lebih mencabar kerana pelajar bukan penutur jati memerlukan sokongan linguistik yang lebih terancang dan eksplisit bagi membina kefahaman terhadap bahasa sasaran (Lightbown & Spada, 2021). Namun, aspek penggunaan bahasa guru dalam konteks ini masih belum dianalisis secara mendalam melalui kerangka linguistik yang mantap.

Tambahan pula, walaupun kajian-kajian terdahulu mengakui bahawa persekitaran digital mempengaruhi gaya komunikasi guru (Audrin & Hascoet, 2023; Mohammad Shams et al., 2025), perubahan tersebut masih sering dibincangkan sebagai fenomena komunikasi umum dan strategi pedagogi, bukan sebagai penggunaan ragam bahasa yang boleh dihuraikan secara sistematik berdasarkan teori linguistik. Sedangkan, dalam tradisi linguistik Melayu, konsep ragam bahasa yang dihuraikan oleh Za'ba menyediakan kerangka yang kukuh untuk menganalisis variasi penggunaan bahasa mengikut tujuan, konteks dan kesan komunikasi (Za'ba, 1957; Za'ba, 2002).

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa terdapat jurang penyelidikan yang ketara dalam tiga aspek utama. Pertama, kajian berkaitan PdP Bahasa Melayu melalui YouTube masih kurang meneliti bahasa guru sebagai unit analisis linguistik utama. Kedua, penyelidikan tentang guru bukan penutur jati jarang diaplikasikan dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu. Ketiga, penggunaan ragam bahasa sebagai strategi pedagogi dan fenomena linguistik dalam PdP digital, khususnya melibatkan guru bukan Melayu yang mengajar pelajar bukan penutur jati, masih belum diterokai secara sistematik. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang tersebut dengan meneliti penggunaan ragam bahasa oleh guru bukan Melayu dalam PdP

Bahasa Melayu melalui YouTube serta faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaannya berdasarkan kerangka ragam bahasa Za'ba.

3. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneliti penggunaan ragam bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu melalui platform YouTube dengan memberikan fokus kepada konteks guru bukan Melayu yang mengajar pelajar bukan penutur jati. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

- a) Mengenal pasti jenis-jenis ragam bahasa yang digunakan oleh guru bukan Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu melalui YouTube berdasarkan teori ragam bahasa Za'ba.
- b) Menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan ragam bahasa oleh guru bukan Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu kepada pelajar bukan penutur jati melalui YouTube.

4. Sorotan Literatur

Perkembangan teknologi digital telah mengubah landskap pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa secara ketara. Platform video seperti YouTube bukan sahaja berfungsi sebagai medium penyampaian kandungan, malah membentuk semula corak komunikasi pedagogi dalam persekitaran pembelajaran yang bersifat tidak segerak (Moorhouse, 2021). Sekali lagi ditegaskan bahawa YouTube semakin digunakan dalam PdP bahasa kerana sifatnya yang fleksibel, mudah diakses dan menyokong pembelajaran sendiri pelajar (Maziriri et al., 2020; Olivares-De la Fuente et al., 2025). Melalui video pengajaran, pelajar dapat mengulang tontonan mengikut keperluan dan tahap kefahaman masing-masing, sekali gus membantu mereka memahami kandungan pembelajaran dengan lebih berkesan (Maslinda & Anuar, 2025). Namun demikian, PdP melalui video lazimnya bersifat sehalu dan tidak menyediakan ruang interaksi langsung secara serta-merta antara guru dan pelajar. Keadaan ini menjadikan kejelasan bahasa guru sebagai faktor utama yang menentukan keberkesanan penyampaian pengajaran (Faustina et al., 2025).

Dalam konteks pengajaran bahasa, bahasa guru berfungsi sebagai medium utama pembinaan makna dan penyampaian ilmu. Halliday (2007) menegaskan bahawa bahasa dalam pendidikan bukan sahaja menyampaikan maklumat, malah membentuk perkembangan intelek pelajar. Oleh itu, setiap pilihan linguistik guru, termasuk struktur ayat, kosa kata dan gaya penyampaian, memberi kesan langsung terhadap kefahaman pelajar. Nik Safiah Karim et al. (2015) pula menyatakan bahawa penguasaan bahasa yang baik melibatkan kebolehan menggunakan bahasa secara gramatis dan sesuai dengan konteks. Dalam PdP digital, peranan bahasa guru menjadi lebih kritikal kerana ketiadaan maklum balas segera menuntut wacana pengajaran yang lebih terancang, eksplisit dan sistematik (Faustina et al., 2025). Hal ini menunjukkan bahawa bahasa guru perlu dianalisis bukan sekadar sebagai alat komunikasi, tetapi sebagai strategi pedagogi yang membentuk proses pembelajaran.

Bagi pelajar bukan penutur jati, bahasa guru berfungsi sebagai sumber input linguistik utama yang membina kefahaman terhadap bahasa sasaran. Lightbown dan Spada (2021) menegaskan bahawa pelajar bahasa kedua memerlukan sokongan linguistik yang sistematik agar input yang diterima mudah difahami dan tidak membebankan kognitif. Dalam persekitaran PdP digital, cabaran ini menjadi lebih ketara kerana pelajar tidak dapat memperoleh penjelasan spontan secara langsung daripada guru. Hasumi dan Chiu (2024) menunjukkan bahawa pengajaran

bahasa melalui medium digital memerlukan strategi linguistik yang lebih fleksibel dan terancang bagi menyesuaikan bahasa pengajaran dengan tahap linguistik pelajar. Pannatier dan Betrancourt (2023) pula menegaskan bahawa ketidakpadanan antara bahasa pengantar dengan tahap kefahaman pelajar boleh meningkatkan beban kognitif dan menjejaskan pemprosesan maklumat daripada video.

Dalam konteks Malaysia yang bersifat majmuk, peranan guru bukan Melayu yang mengajar Bahasa Melayu kepada pelajar bukan penutur jati mempunyai kepentingan tersendiri. Guru bukan Melayu menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa profesional dan akademik, bukan sebagai bahasa ibunda, sekali gus menjadikan penggunaan bahasa mereka sebagai sumber data linguistik yang bernilai. Ali Fuad Selvi et al. (2024) menegaskan bahawa penyelidikan tentang guru bukan penutur jati masih banyak dipengaruhi oleh paradigma native-speakerism, sedangkan guru bukan penutur jati memiliki kekuatan linguistik dan pedagogi yang unik. Kajian oleh Nauryzbayeva (2024) dan Nigar (2024) menunjukkan bahawa guru bukan penutur jati menggunakan strategi bahasa yang tersendiri untuk menyesuaikan pengajaran dengan keperluan pelajar, namun perbincangan tersebut lebih banyak tertumpu kepada aspek identiti profesional dan amalan pedagogi, bukan kepada analisis bahasa sebagai fenomena linguistik yang boleh dikategorikan secara sistematik.

Dalam bidang linguistik Melayu, konsep ragam bahasa menyediakan kerangka yang kukuh untuk menganalisis variasi penggunaan bahasa mengikut tujuan, konteks dan kesan komunikasi. Asmah Haji Omar (2008) menjelaskan bahawa variasi bahasa terhasil daripada perbezaan penutur, situasi dan fungsi bahasa. Selari dengan itu, Nik Safiah Karim et al. (2015) menghuraikan bahawa ragam bahasa merujuk kepada penggunaan bahasa yang disesuaikan mengikut konteks dan tujuan komunikasi. Za'ba melalui karya beliau telah mengemukakan pengelasan ragam bahasa seperti bahasa berulang, pertanyaan ingkar, bahasa seruan, bahasa besar atau melampau, bahasa kecil atau merendah, bahasa naik, bahasa turun dan bahasa jenaka sebagai bentuk penggunaan bahasa yang berfungsi untuk menegaskan makna dan mencapai kesan komunikasi tertentu (Za'ba, 1957; Za'ba, 2002). Kerangka ini membuktikan bahawa penggunaan bahasa bukan sekadar melibatkan ketepatan tatabahasa, tetapi turut mencerminkan kebijaksanaan penutur dalam memilih gaya bahasa yang sesuai dengan konteks.

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian berkaitan PdP bahasa melalui YouTube masih menumpukan aspek pedagogi digital dan keberkesanan medium, tanpa menjadikan bahasa guru sebagai unit analisis linguistik utama. Perubahan gaya komunikasi guru dalam persekitaran digital sering dibincangkan sebagai fenomena komunikasi umum dan strategi pengajaran, bukan sebagai penggunaan ragam bahasa yang boleh dihuraikan secara sistematik berdasarkan teori linguistik (Audrin & Hascoet, 2023; Mohammad Shams et al., 2025). Justeru, terdapat keperluan untuk mengaplikasikan kerangka ragam bahasa Za'ba bagi meneliti penggunaan bahasa guru dalam konteks PdP digital, khususnya melibatkan guru bukan Melayu yang mengajar pelajar bukan penutur jati melalui YouTube. Pendekatan ini membolehkan bahasa guru dianalisis bukan sahaja sebagai alat pedagogi, tetapi sebagai fenomena linguistik yang terancang, berfungsi dan bermakna dalam wacana pedagogi digital.

5. Teori dan Kerangka Konseptual


Kajian ini berlandaskan teori ragam bahasa yang dikemukakan oleh Za'ba sebagai kerangka utama analisis linguistik. Za'ba menghuraikan bahawa bahasa Melayu mempunyai pelbagai bentuk penggunaan yang disesuaikan mengikut tujuan, konteks dan kesan komunikasi. Antara ragam bahasa yang dikenal pasti oleh beliau termasuk bahasa berulang, pertanyaan ingkar,

bahasa seruan, bahasa bukan, bahasa besar atau melampau, bahasa kecil atau merendah, bahasa naik, bahasa turun, bahasa bertimbal dan bahasa jenaka. Teori ini menegaskan bahawa penggunaan bahasa bukan sahaja tertumpu kepada ketepatan struktur tatabahasa, malah mencerminkan kebijaksanaan penutur dalam memilih bentuk bahasa yang sesuai bagi mencapai kesan komunikasi tertentu. Oleh itu, teori ragam bahasa Za'ba sangat sesuai digunakan untuk meneliti wacana pengajaran, khususnya dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu melalui platform digital.

Selain itu, kajian ini turut disokong oleh konsep variasi bahasa yang menjelaskan bahawa penggunaan bahasa dipengaruhi oleh faktor penutur, situasi dan fungsi komunikasi (Asmah Haji Omar, 2008). Dalam konteks pendidikan, Halliday (2007) menegaskan bahawa bahasa berfungsi sebagai wahana pembinaan makna dan perkembangan intelektual pelajar. Oleh itu, bahasa guru dalam PdP perlu dianalisis sebagai satu bentuk variasi linguistik yang bersifat strategik dan berfungsi, bukan sekadar sebagai medium penyampaian maklumat. Bagi pelajar bukan penutur jati, input linguistik yang jelas dan terancang amat penting bagi memudahkan pemprosesan bahasa dan pembinaan kefahaman (Lightbown & Spada, 2021). Gabungan perspektif ini membolehkan penggunaan ragam bahasa dianalisis sebagai strategi linguistik yang menyokong pembelajaran bahasa dalam persekitaran PdP digital.

Berdasarkan kerangka teori tersebut, satu kerangka konseptual kajian dibangunkan untuk menggambarkan hubungan antara konteks PdP digital, penggunaan ragam bahasa dan hasil pedagogi. Dalam kerangka ini, penggunaan ragam bahasa oleh guru bukan Melayu dianggap sebagai pemboleh ubah utama yang dipengaruhi oleh beberapa faktor konteks, seperti latar belakang guru sebagai bukan penutur jati, tahap penguasaan bahasa pelajar, serta sifat PdP melalui YouTube yang bersifat sehala. Ragam bahasa yang digunakan pula berfungsi sebagai strategi linguistik yang menyokong penegasan makna, pembinaan kefahaman dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Secara ringkas, kerangka konseptual kajian ini dapat dirumuskan seperti berikut:



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian Penggunaan Ragam Bahasa dalam PdP Bahasa Melayu melalui YouTube

6. Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan kajian kes. Pendekatan ini dipilih kerana sesuai untuk meneliti secara mendalam penggunaan bahasa sebagai fenomena linguistik dalam konteks pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu melalui YouTube oleh seorang guru bukan Melayu. Kajian kes membolehkan analisis terperinci dijalankan terhadap penggunaan ragam bahasa dalam situasi sebenar PdP digital yang melibatkan pelajar bukan penutur jati. Menurut Yin (2018) kajian kes membolehkan penyelidik meneliti fenomena secara mendalam dan holistik dalam konteks tertentu.

Sampel kajian melibatkan seorang guru Bahasa Melayu bukan Melayu yang aktif mengajar melalui platform YouTube serta pelajar bukan penutur jati sebagai sasaran pengajaran. Guru tersebut dipilih secara pensampelan bertujuan kerana mempunyai pengalaman mengajar melebihi 30 tahun dan telah terlibat secara aktif dalam pengajaran berasaskan video selama lebih 15 tahun. Pemilihan sampel ini berasaskan kesesuaian konteks kajian, iaitu untuk meneliti penggunaan ragam bahasa dalam situasi PdP digital yang sebenar, berterusan dan autentik.

Sebanyak 20 buah video pengajaran Bahasa Melayu yang dimuat naik oleh guru tersebut dalam tempoh dua tahun, iaitu dari tahun 2024 hingga 2025, dipilih sebagai data utama kajian. Video-video ini merangkumi pengajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah dan menengah serta mencerminkan penggunaan bahasa guru secara konsisten dalam pengajaran kepada pelajar bukan penutur jati.

Data kajian diperoleh melalui dua sumber utama, iaitu analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur. Analisis dokumen melibatkan 20 buah video pengajaran yang ditranskripsikan secara verbatim bagi membolehkan analisis linguistik dijalankan secara sistematik. Proses transkripsi ini penting bagi memastikan data lisan dapat dianalisis secara sistematik dan telus (Tracy, 2020). Selain itu, satu sesi temu bual separa berstruktur dijalankan bersama guru yang terlibat untuk mendapatkan maklumat berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan ragam bahasa dalam pengajaran melalui YouTube.

Bagi tujuan analisis, data transkripsi video dan data temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Analisis tematik dipilih kerana kaedah ini membolehkan data linguistik dianalisis secara sistematik untuk mengenal pasti pola, kategori dan tema yang berulang dalam penggunaan bahasa (Braun & Clarke, 2021). Proses analisis melibatkan pengenalpastian pola penggunaan bahasa yang selari dengan kategori ragam bahasa yang dikemukakan oleh Za'ba, seperti bahasa berulang, pertanyaan ingkar, bahasa seruan, bahasa bukan, bahasa besar atau melampau, bahasa kecil, bahasa naik, bahasa turun dan bahasa jenaka. Kerangka ragam bahasa Za'ba digunakan sebagai asas utama untuk mengklasifikasikan serta mentafsir penggunaan bahasa guru dalam wacana pengajaran.

Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data, triangulasi sumber digunakan dengan menggabungkan data daripada analisis video dan temu bual. Penggunaan lebih daripada satu kaedah pengumpulan data bertujuan untuk meningkatkan ketepatan dan kekayaan data serta membolehkan dapatan kajian disokong melalui triangulasi sumber (Creswell & Poth, 2018). Instrumen temu bual telah disemak dan disahkan oleh dua orang pakar bagi memastikan kesahan kandungan serta kesesuaian soalan dengan objektif kajian. Proses transkripsi dilakukan secara teliti untuk mengekalkan ketepatan data linguistik, manakala pengkategorian ragam bahasa dijalankan secara berulang bagi memastikan ketekalan interpretasi. Pendekatan

ini membolehkan dapatan kajian diperoleh secara sistematik, sahih dan berautoriti dalam meneliti penggunaan ragam bahasa dalam PdP Bahasa Melayu melalui YouTube.

7. Dapatan Kajian

7.1 Ragam Bahasa yang Digunakan oleh Guru Bukan Melayu dalam PdP Bahasa Melayu melalui Youtube Berdasarkan Teori Ragam Bahasa Za'Ba

Berdasarkan analisis transkrip video pengajaran, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru bukan Melayu menggunakan pelbagai jenis ragam bahasa secara konsisten dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu melalui YouTube. Secara keseluruhan, sembilan jenis ragam bahasa telah dikenal pasti, iaitu bahasa berulang, pertanyaan ingkar, bahasa seruan atau keluhan, bahasa bukan, bahasa besar atau melampau, bahasa naik, bahasa bertimbal, bahasa kecil atau merendah dan bahasa jenaka.

Bahasa Berulang

Bahasa berulang dikenal pasti sebagai ragam bahasa yang paling dominan digunakan oleh guru. Contohnya, "...memasang lampu, memasang kipas, memasang kamera litar tertutup...", "selalu baca, selalu baca" dan "yang berkobar-kobar, ok, yang berkobar-kobar."

Pertanyaan Ingkar

Pertanyaan ingkar digunakan dalam bentuk soalan yang tidak memerlukan jawapan sebenar, sebaliknya bertujuan menegaskan sesuatu konsep. Contohnya, "...atau kamu nak kata dia mengalami kipas? Tak mungkin kan?", "They speak bahasa apa?" dan "Justeru is oleh kerana?"

Bahasa Seruan atau Keluhan

Bahasa seruan atau keluhan digunakan untuk menarik perhatian dan mengawal aliran pengajaran. Contohnya, "Bagus.", "Haa... dia bercakap bahasa Melayulah!" dan "Cepat, bagi saya satu jawapan!"

Bahasa Bukan

Bahasa bukan digunakan melalui bentuk penafian untuk menegaskan perbezaan antara bentuk yang betul dan tidak betul. Contohnya, "Bukan tak betul. Memasang adalah perkataan yang paling tepat.", "Bukan otak kamu..." dan "Ini bukan hidup, ini bukan kehidupan. Ini hidupan liar."

Bahasa Besar atau Melampau

Bahasa besar atau melampau digunakan untuk memberikan penegasan yang sangat kuat terhadap kepentingan sesuatu konsep. Contohnya, "Expansion is very very important. Until form 5, it's all about expansion.", "Tak ada bahasa Melayu, tak boleh buat bisnes." Dan "For next 1000 years you cannot run from BM."

Bahasa Naik

Bahasa naik dikenal pasti melalui susunan idea yang berkembang daripada maklumat umum kepada maklumat yang lebih khusus atau penting. Contohnya, "Ayat kamu mesti panjang. Ayat kamu mesti ada informasi.", "Bahasa Melayu merupakan bahasa ilmu, alat perpaduan dan sebagai lingua franca." dan "Generasi Madani maknanya generasi yang menjunjung nilai perpaduan, keadilan dan kesejahteraan untuk semua."

Bahasa Bertimbal

Bahasa bertimbal digunakan melalui susunan ujaran yang berpasangan atau bersiri untuk membentuk kefahaman yang lebih tersusun. Contohnya, “Siapa yang buat? Apa yang dia buat? Bila dia buat? Di mana dia buat? Bagaimana dia buat? Dan mengapa dia buat?”, “Otak kamu, tangan kamu dan jari kamu.” dan “Sebab-sebab, kesan-kesan, langkah-langkah, kepentingan-kepentingan.”

Bahasa Kecil atau Merendah

Bahasa kecil atau merendah digunakan untuk melembutkan arahan dan mengurangkan tekanan terhadap pelajar. Contohnya, “Tak perlu terlalu panjang. Tapi jangan terlalu pendek.”, “Satu hari buat satu perenggan pun cukup.” dan “Tak apa, satu pun okay.”

Bahasa Jenaka

Bahasa jenaka digunakan melalui ujaran yang bersifat humor untuk mewujudkan suasana pengajaran yang lebih santai dan menarik. Contohnya, “Suara paling sedap...”, “Are you getting answer from mother.com and father.com?” dan “Nobody in the world teaches karangan like this.”

7.2 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Ragam Bahasa

Berdasarkan analisis transkrip temu bual, dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan ragam bahasa oleh guru bukan Melayu dipengaruhi oleh beberapa faktor utama, iaitu latar belakang pengalaman dan penglibatan dalam pengajaran digital, tahap penguasaan bahasa pelajar, keperluan pedagogi untuk memastikan kefahaman, penggunaan konsep didik hiburan, serta pengaruh persekitaran media digital dan dominasi bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian pelajar.

Pengalaman luas dalam pengajaran dan penglibatan dalam Pdp digital

Pengalaman mengajar yang panjang serta penglibatan aktif dalam pengajaran melalui YouTube mendorong guru menggunakan pelbagai strategi bahasa yang sesuai dengan konteks Pdp digital. Hal ini dapat dilihat melalui pernyataan berikut:

“Sekarang dah lebih 30 tahun dan sebagian besar daripada masa pengajaran ataupun pengalaman mengajar saya ialah dalam bidang pendidikan swasta...”

“Saya juga telah mengaktifkan diri dalam pengajaran maya terutamanya melalui platform seperti YouTube sejak lebih 15 tahun...”

“Saya sudah aktif pada tahun 2013 lagi.”

Keperluan pedagogi untuk menegaskan kefahaman pelajar

Penggunaan ragam bahasa, khususnya bahasa berulang, dipengaruhi oleh keperluan pedagogi bagi memastikan pelajar benar-benar memahami dan mengingati konsep yang diajar.

“Pengulangan itu sebahagian daripada proses pendidikan yang amat penting.”
“Repetition is the mother of learning.”

“Kalau kita tidak mengulangi... mereka tidak mungkin dapat memahami... dan yang lebih penting adalah mengingati perkara itu.”

Tahap penguasaan bahasa pelajar bukan penutur jati dan dominasi bahasa Inggeris

Penggunaan ragam bahasa juga dipengaruhi oleh realiti bahawa kebanyakan pelajar lebih dominan dalam bahasa Inggeris, sekali gus mendorong guru menggunakan pendekatan dwibahasa dan ragam bahasa tertentu sebagai jambatan linguistik.

“Pelajar-pelajar... biasanya daripada sekolah jenis kebangsaan... yang bahasa Inggeris lebih dominan.”

“Kalau diterangkan sebagai life, a life, living things, dia cepat tangkap.”

“Ini saya kira macam jambatan yang dapat menghubungkan kita dari segi intelektual dan bahasa.”

Keperluan mewujudkan kemesraan dan mengekalkan perhatian pelajar (didik hibur)

Penggunaan bahasa mesra dan bahasa jenaka dipengaruhi oleh keperluan mewujudkan suasana pembelajaran yang selesa dan menarik agar pelajar terus memberi tumpuan.

“Didik hibur ini konsep yang memang telah lama saya perkenalkan dalam kelas-kelas saya.”

“Pelajar suka berhibur.”

“Jenaka itu sebenarnya terancang... supaya ia menjadi tarikan dan pelajar dapat terus dikekalkan untuk memberi perhatian.”

Pengaruh persekitaran media sosial dan realiti linguistik semasa

Penggunaan ragam bahasa turut dipengaruhi oleh persekitaran media sosial dan dominasi bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian pelajar.

“Media sosial memang pengaruhnya amat besar.”

“Kebanyakan pelajar... memilih untuk guna bahasa Inggeris.”

“Sebagai seorang guru, saya terpaksa ikut trend.”

Latar belakang linguistik guru sendiri

Latar belakang guru yang dominan dalam bahasa Inggeris turut mempengaruhi cara bahasa digunakan dalam PdP Bahasa Melayu.

“Saya pun, dominan dalam otak saya ialah bahasa Inggeris.”

“I can say I think in English.”

“Bahasa Inggeris dan bahasa Melayu saya gunakan sama-sama.”

8. Perbincangan

Ragam Bahasa sebagai Strategi Linguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Digital

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan ragam bahasa oleh guru bukan Melayu dalam PdP Bahasa Melayu melalui YouTube bukan sekadar variasi gaya pertuturan, tetapi merupakan satu strategi linguistik yang terancang dan berfungsi. Dalam konteks PdP digital

yang bersifat sehalu dan tidak segerak, bahasa guru menjadi medium utama pembinaan makna, penyampaian kandungan dan pengawalan aliran pengajaran. Oleh itu, penggunaan ragam bahasa seperti bahasa berulang, pertanyaan ingkar, bahasa seruan, bahasa bukan, bahasa bertimbal dan bahasa naik berperanan menggantikan sebahagian fungsi interaksi dua hala yang lazimnya berlaku dalam bilik darjah bersemuka.

Dapatan ini selari dengan pandangan Halliday (2007) yang menegaskan bahawa bahasa dalam pendidikan bukan sahaja berfungsi sebagai alat penyampaian maklumat, malah membentuk proses pemikiran dan pembinaan makna pelajar. Dalam PdP melalui YouTube, guru tidak mempunyai peluang untuk menilai kefahaman pelajar secara serta-merta. Justeru, bahasa perlu dirancang dengan lebih sistematik agar mesej yang disampaikan dapat difahami tanpa memerlukan penjelasan tambahan secara langsung. Hal ini mengukuhkan dapatan Faustina et al. (2025) yang menyatakan bahawa PdP berasaskan video memerlukan penggunaan bahasa yang lebih eksplisit, terancang dan berstruktur bagi mengelakkan kekaburan makna.

Penggunaan bahasa berulang, misalnya, menunjukkan usaha guru untuk menegaskan konsep penting dan memastikan maklumat benar-benar difahami oleh pelajar. Dalam persekitaran PdP digital, pengulangan bukan mencerminkan kelemahan pedagogi, sebaliknya merupakan strategi linguistik yang bersesuaian dengan sifat medium video yang tidak menyediakan maklum balas segera. Hal ini menyokong dapatan Moorhouse (2021) yang menegaskan bahawa komunikasi pedagogi dalam persekitaran digital memerlukan penyesuaian gaya penyampaian agar kekal jelas dan berkesan walaupun tanpa interaksi langsung.

Selain itu, penggunaan pertanyaan ingkar dan bahasa seruan memperlihatkan usaha guru untuk mengekalkan unsur dialogik dalam wacana pengajaran yang secara teknikalnya bersifat monolog. Ragam bahasa ini membina ilusi komunikasi dua hala dan merangsang keterlibatan kognitif pelajar walaupun mereka tidak dapat memberikan respons secara langsung. Keadaan ini selari dengan pandangan Audrin dan Hascoet (2023) yang menekankan kepentingan dimensi interaksi dan emosi dalam komunikasi guru bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran dalam talian.

Bahasa bertimbal dan bahasa naik pula berfungsi menyusun maklumat secara teratur dan berperingkat, sekali gus membantu pelajar mengikuti aliran pengajaran dengan lebih sistematik. Dalam PdP melalui video, struktur penyampaian yang jelas amat penting kerana pelajar bergantung sepenuhnya kepada wacana guru untuk memahami kandungan pembelajaran. Penggunaan ragam bahasa ini menunjukkan bahawa guru bukan Melayu bukan sahaja menguasai kandungan pengajaran, malah memiliki keupayaan linguistik untuk membina wacana pedagogi yang tersusun dan berfungsi.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa ragam bahasa berperanan sebagai strategi linguistik utama dalam PdP Bahasa Melayu melalui YouTube. Ragam bahasa membolehkan guru mengawal aliran pengajaran, menegaskan makna, mengekalkan perhatian pelajar serta menyesuaikan komunikasi dengan sifat PdP digital yang terhad dari segi interaksi langsung. Dengan itu, ragam bahasa bukan sekadar fenomena linguistik, tetapi merupakan mekanisme pedagogi yang kritikal dalam memastikan keberkesanan PdP Bahasa Melayu dalam persekitaran digital.

Peranan Ragam Bahasa dalam Menyokong Pembelajaran Pelajar Bukan Penutur Jati

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan ragam bahasa oleh guru bukan Melayu memainkan peranan yang signifikan dalam menyokong pembelajaran Bahasa Melayu dalam

kalangan pelajar bukan penutur jati. Ragam bahasa seperti bahasa berulang, bahasa bukan, bahasa bertimbal, bahasa naik dan bahasa seruan berfungsi sebagai perancah linguistik yang membantu pelajar memproses input bahasa secara lebih jelas, terancang dan sistematik. Keadaan ini sejajar dengan pandangan Lightbown dan Spada (2021) yang menegaskan bahawa pelajar bahasa kedua memerlukan input yang mudah difahami, berulang dan bermakna untuk membina kefahaman linguistik yang kukuh.

Penggunaan bahasa berulang, misalnya, membantu mengukuhkan pemahaman terhadap konsep dan struktur bahasa Melayu yang baharu diperkenalkan. Pengulangan membolehkan pelajar menumpukan perhatian kepada bentuk dan makna bahasa secara berperingkat, sekali gus menyokong pembentukan ingatan jangka panjang. Dalam konteks pelajar bukan penutur jati, pengulangan bukanlah petunjuk kelemahan pedagogi, sebaliknya mencerminkan kepekaan guru terhadap keperluan linguistik pelajar yang memerlukan pendedahan berterusan kepada bentuk bahasa sasaran. Hal ini menyokong pandangan bahawa input yang diperkaya melalui pengulangan merupakan asas penting dalam pemerolehan bahasa kedua (Lightbown & Spada, 2021).

Selain itu, bahasa bukan yang digunakan melalui bentuk penafian seperti “bukan” dan “tidak” membantu pelajar mengenal pasti perbezaan antara penggunaan bahasa yang betul dan tidak tepat. Ragam bahasa ini berfungsi sebagai mekanisme pembetulan implisit yang membina kesedaran linguistik pelajar tanpa menjejaskan kelancaran pengajaran. Dalam PdP digital yang terhad dari segi interaksi dua hala, pendekatan pembetulan secara implisit ini menjadi lebih relevan kerana guru tidak dapat membetulkan kesalahan pelajar secara serta-merta melalui dialog langsung. Dapatan ini menyokong pandangan Hasumi dan Chiu (2024) bahawa pengajaran bahasa dalam persekitaran digital memerlukan penggunaan bahasa yang lebih eksplisit dan terancang bagi memastikan pelajar tidak tersilap mentafsir makna.

Penggunaan bahasa bertimbal dan bahasa naik pula membantu menyusun maklumat secara berperingkat daripada unsur yang lebih mudah kepada unsur yang lebih kompleks. Struktur penyampaian yang tersusun ini memudahkan pelajar bukan penutur jati mengikuti aliran pengajaran dan mengurangkan beban kognitif ketika memproses maklumat daripada video pengajaran. Hal ini selari dengan dapatan Pannatier dan Betrancourt (2023) yang menunjukkan bahawa penyusunan maklumat yang sistematik dalam pembelajaran berasaskan video dapat membantu mengurangkan beban kognitif dan meningkatkan kefahaman pelajar.

Di samping sokongan kognitif, ragam bahasa seperti bahasa seruan, bahasa kecil dan bahasa jenaka memainkan peranan penting dari sudut afektif. Ragam bahasa ini membantu mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih mesra, santai dan tidak terlalu formal, sekali gus mengurangkan tekanan emosi pelajar ketika mengikuti PdP melalui medium digital. Unsur afektif ini amat penting kerana pembelajaran bahasa bukan sahaja melibatkan aspek kognitif, tetapi turut dipengaruhi oleh faktor emosi dan motivasi pelajar. Hal ini menyokong dapatan Audrin dan Hascoet (2023) yang menegaskan bahawa hubungan emosi dan keakraban dalam komunikasi guru dapat meningkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran dalam talian.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa ragam bahasa berfungsi sebagai mekanisme sokongan linguistik dan afektif yang menyeluruh dalam pembelajaran Bahasa Melayu oleh pelajar bukan penutur jati. Ragam bahasa bukan sahaja membantu pembinaan kefahaman bahasa, malah menyumbang kepada pengurusan beban kognitif, pembentukan motivasi dan pembinaan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif dalam konteks PdP digital melalui YouTube.

Guru Bukan Melayu sebagai Penutur Profesional dalam Pengajaran Bahasa Melayu

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru bukan Melayu berupaya berperanan sebagai penutur profesional yang kompeten dalam pengajaran Bahasa Melayu, khususnya dalam konteks PdP digital melalui YouTube. Penggunaan ragam bahasa yang pelbagai dan sistematik membuktikan bahawa kecekapan linguistik guru bukan semata-mata bergantung pada status sebagai penutur jati, sebaliknya bergantung pada kebolehan menguasai bahasa secara fungsional dan pedagogi. Hal ini mencabar pandangan tradisional yang sering meletakkan penutur jati sebagai model ideal dalam pengajaran bahasa.

Dapatan ini selari dengan pandangan Selvi et al. (2024) yang mengkritik paradigma native-speakerism dalam pendidikan bahasa dan menegaskan bahawa guru bukan penutur jati mempunyai kekuatan tersendiri, khususnya dari segi kesedaran linguistik, strategi pedagogi dan empati terhadap kesukaran pelajar. Dalam kajian ini, guru bukan Melayu bukan sahaja menguasai struktur bahasa Melayu, malah menunjukkan kebolehan memilih dan memanfaatkan ragam bahasa secara strategik untuk menyokong pembelajaran pelajar bukan penutur jati. Keupayaan ini mencerminkan kompetensi linguistik profesional yang tidak semestinya dimiliki oleh semua penutur jati.

Selain itu, latar belakang linguistik guru yang dominan dalam bahasa Inggeris turut memberi kelebihan dalam membina jambatan linguistik antara bahasa pertama pelajar dan bahasa sasaran. Penggunaan unsur dwibahasa secara terkawal membantu pelajar memahami konsep bahasa Melayu dengan lebih cepat dan jelas. Dapatan ini menyokong kajian oleh Nauryzbayeva (2024) dan Nigar (2024) yang menunjukkan bahawa guru bukan penutur jati sering memanfaatkan pengalaman linguistik peribadi mereka sebagai sumber pedagogi untuk memudahkan pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar.

Dalam konteks PdP melalui YouTube, peranan guru bukan Melayu sebagai penutur profesional menjadi lebih signifikan kerana bahasa merupakan satu-satunya medium interaksi yang tersedia. Guru bukan sahaja perlu menguasai bahasa Melayu secara gramatis, malah perlu merancang penggunaan bahasa secara strategik agar sesuai dengan tahap linguistik pelajar dan sifat medium digital. Keupayaan guru untuk menggunakan ragam bahasa seperti bahasa berulang, pertanyaan ingkar, bahasa bertimbal dan bahasa jenaka menunjukkan tahap kesedaran metalinguistik yang tinggi serta kebolehan menyesuaikan gaya komunikasi dengan keperluan pedagogi.

Dapatan ini turut mengukuhkan pandangan bahawa guru bukan penutur jati tidak harus dilihat sebagai kekurangan dalam sistem pendidikan bahasa, sebaliknya sebagai aset linguistik dan pedagogi yang bernilai. Pengalaman menguasai bahasa kedua membolehkan guru memahami kesukaran pelajar secara lebih empatik dan merancang strategi bahasa yang lebih realistik dan berkesan. Oleh itu, kajian ini menyumbang kepada usaha memperluas wacana tentang profesionalisme guru bahasa dengan menekankan bahawa kecekapan pedagogi dan kesedaran linguistik lebih penting daripada status penutur jati semata-mata.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini membuktikan bahawa guru bukan Melayu dalam kajian ini berfungsi sebagai penutur profesional yang berwibawa dalam pengajaran Bahasa Melayu. Keupayaan mereka menggunakan ragam bahasa secara terancang dan kontekstual mengukuhkan hujah bahawa keberkesanan pengajaran bahasa tidak terletak pada identiti etnik atau bahasa ibunda guru, tetapi pada kebolehan linguistik, kesedaran pedagogi dan keupayaan menyesuaikan komunikasi dengan keperluan pelajar serta konteks pembelajaran digital.

Kesahan dan Relevansi Teori Ragam Bahasa Za'ba dalam Konteks PdP Digital

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa teori ragam bahasa yang dikemukakan oleh Za'ba masih relevan dan signifikan untuk diaplikasikan dalam konteks PdP Bahasa Melayu pada era digital. Walaupun teori ini dibangunkan dalam konteks penggunaan bahasa lisan dan tulisan tradisional, dapatan kajian menunjukkan bahawa kategori ragam bahasa seperti bahasa berulang, pertanyaan ingkar, bahasa seruan, bahasa bukan, bahasa besar atau melampau, bahasa naik, bahasa bertimbal, bahasa kecil atau merendah dan bahasa jenaka tetap dapat dikenal pasti secara jelas dalam wacana pengajaran melalui YouTube. Hal ini menunjukkan bahawa teori Za'ba bersifat mantap, fleksibel dan merentas zaman.

Penggunaan ragam bahasa oleh guru bukan Melayu dalam PdP digital memperlihatkan bahawa prinsip asas yang dihuraikan oleh Za'ba tentang kebijaksanaan penutur dalam memilih bentuk bahasa mengikut tujuan dan konteks komunikasi masih terpakai dalam medium baharu. Dalam konteks YouTube, tujuan komunikasi bukan sahaja untuk menyampaikan maklumat, tetapi juga untuk mengekalkan perhatian pelajar, menggantikan interaksi dua hala, serta memastikan makna dapat dibina dengan jelas tanpa bantuan respons segera daripada pelajar. Ragam bahasa yang dikenal pasti dalam kajian ini memenuhi fungsi-fungsi tersebut secara sistematik.

Dapatan ini turut mengukuhkan pandangan Asmah Haji Omar (2008) bahawa variasi bahasa terhasil daripada perbezaan situasi, fungsi dan konteks penggunaan bahasa. PdP melalui YouTube merupakan satu konteks komunikasi yang baharu, namun variasi bahasa yang muncul masih dapat dihuraikan melalui kerangka linguistik sedia ada. Hal ini menunjukkan bahawa teori linguistik tradisional tidak menjadi lapuk dalam persekitaran digital, sebaliknya boleh diperluas aplikasinya untuk meneliti wacana pedagogi moden.

Selain itu, dapatan kajian ini juga menyokong pandangan Nik Safiah Karim et al. (2015) bahawa penggunaan bahasa yang berkesan melibatkan bukan sahaja ketepatan tatabahasa, tetapi juga kesesuaian bentuk bahasa dengan tujuan komunikasi dan situasi. Dalam PdP digital, guru perlu lebih peka terhadap kesan bahasa terhadap kefahaman dan emosi pelajar kerana ketiadaan interaksi langsung menjadikan setiap ujaran mempunyai impak yang lebih besar. Oleh itu, penggunaan ragam bahasa dalam kajian ini menunjukkan bahawa guru bukan Melayu bukan sahaja menguasai struktur bahasa Melayu, tetapi turut memahami dimensi pragmatik dan fungsional bahasa.

Dari sudut sumbangan ilmu, kajian ini memperluas aplikasi teori ragam bahasa Za'ba daripada konteks analisis bahasa umum kepada konteks wacana pedagogi digital. Hal ini memberikan dimensi baharu kepada teori Za'ba dengan menunjukkan bahawa kerangka tersebut boleh digunakan untuk menganalisis komunikasi pendidikan dalam medium teknologi moden seperti YouTube. Dengan itu, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada bidang pendidikan bahasa, tetapi juga kepada pengembangan teori linguistik Melayu dalam konteks komunikasi digital.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa teori ragam bahasa Za'ba kekal relevan dan berupaya menjelaskan fenomena penggunaan bahasa dalam PdP Bahasa Melayu melalui platform digital. Keupayaan teori ini untuk merangkumi variasi penggunaan bahasa dalam konteks pedagogi moden membuktikan bahawa ia merupakan kerangka linguistik yang kukuh, dinamik dan sesuai untuk digunakan dalam penyelidikan linguistik terapan pada masa ini.

9. Kesimpulan

Kajian ini meneliti penggunaan ragam bahasa oleh guru bukan Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu melalui platform YouTube dengan memfokuskan kepada dua aspek utama, iaitu jenis-jenis ragam bahasa yang digunakan serta faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaannya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru bukan Melayu menggunakan pelbagai ragam bahasa secara sistematik dan terancang, merangkumi bahasa berulang, pertanyaan ingkar, bahasa seruan atau keluhan, bahasa bukan, bahasa besar atau melampau, bahasa naik, bahasa bertimbal, bahasa kecil atau merendah dan bahasa jenaka. Kepelbagaian ragam bahasa ini membuktikan bahawa penggunaan bahasa dalam PdP digital bukan bersifat rawak, sebaliknya merupakan strategi linguistik yang mempunyai fungsi pedagogi yang jelas.

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa penggunaan ragam bahasa dipengaruhi oleh pelbagai faktor kontekstual, antaranya tahap penguasaan bahasa pelajar bukan penutur jati, latar belakang linguistik dan profesional guru bukan Melayu, keperluan pedagogi untuk memastikan kefahaman pelajar, serta sifat PdP melalui YouTube yang bersifat sehalu dan tidak segerak. Faktor-faktor ini membentuk cara guru merancang dan menyesuaikan penggunaan bahasa agar sesuai dengan tahap pelajar serta keperluan medium digital.

Dari sudut pedagogi, kajian ini membuktikan bahawa ragam bahasa berperanan sebagai mekanisme sokongan linguistik dan afektif yang penting dalam PdP Bahasa Melayu kepada pelajar bukan penutur jati. Ragam bahasa bukan sahaja membantu penegasan makna dan pembinaan kefahaman, malah menyumbang kepada pengurusan beban kognitif, pengekal perhatian pelajar dan pembinaan suasana pembelajaran yang lebih mesra dalam persekitaran PdP digital.

Dari sudut profesionalisme guru, dapatan kajian ini mengukuhkan pandangan bahawa guru bukan Melayu berupaya berfungsi sebagai penutur profesional yang kompeten dalam pengajaran Bahasa Melayu. Keupayaan mereka menggunakan ragam bahasa secara strategik mencabar tanggapan bahawa keberkesanan pengajaran bahasa hanya bergantung pada status sebagai penutur jati. Sebaliknya, kecekapan pedagogi, kesedaran linguistik dan kebolehan menyesuaikan bahasa dengan konteks pembelajaran merupakan faktor yang lebih menentukan keberkesanan PdP.

Dari sudut teori linguistik, kajian ini mengesahkan kesahan dan relevansi teori ragam bahasa Za'ba dalam konteks pedagogi digital. Dapatan kajian membuktikan bahawa kerangka Za'ba masih berupaya menghuraikan variasi penggunaan bahasa dalam wacana pengajaran moden, sekali gus memperluas aplikasi teori tersebut daripada konteks tradisional kepada persekitaran pembelajaran berasaskan teknologi. Hal ini menunjukkan bahawa teori linguistik Melayu bersifat dinamik dan boleh terus diaplikasikan dalam kajian bahasa yang melibatkan medium komunikasi kontemporari.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada bidang pendidikan bahasa dan linguistik terapan dengan memperlihatkan peranan ragam bahasa sebagai strategi linguistik dan pedagogi yang berkesan dalam PdP Bahasa Melayu melalui YouTube. Kajian ini juga membuka ruang kepada penyelidikan lanjut yang boleh melibatkan lebih ramai guru, pelbagai tahap pendidikan dan platform digital yang berbeza bagi memperluas pemahaman tentang penggunaan bahasa dalam wacana pedagogi digital.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada guru yang terlibat dalam kajian ini kerana memberikan kerjasama sepenuhnya, termasuk membenarkan penggunaan video pengajaran dan kesediaan untuk menjalani sesi temu bual. Penghargaan juga ditujukan kepada para pakar yang telah menyemak instrumen temu bual bagi memastikan kesahan kandungan kajian. Tidak lupa juga kepada penyelia yang sentiasa memberikan tunjuk ajar. Selain itu, ucapan terima kasih turut dirakamkan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, bimbingan dan dorongan sepanjang pelaksanaan kajian ini sehingga artikel ini dapat disiapkan.

Pernyataan Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan mengenai penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Fuad Selvi, Bedrettin Yazan, Ahmar Mahboob. 2024. Research on “native” and “non-native” English-speaking teachers: Past developments, current status, and future directions. *Language Teaching*, 57(1), 1–41.
- Audrin, C., & Hascoet, M. (2023). Teacher–student emotional interaction in online learning environments. *Computers & Education*, 194, 104683.
- Braun, V., & Clarke, V. (2021). *Thematic Analysis: A Practical Guide*. SAGE Publications.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches (4th ed.)*. SAGE Publications.
- Faustina, A., Silva, M., & Andrade, P. (2025). Teacher language clarity in video-based instruction and its impact on student comprehension. *Educational Technology Research and Development*, 73(1), 45–62.
- Halliday, M. A. K. (2007). *Language and education (J. J. Webster, Ed.)*. London: Continuum.
- Haruna Abubakar & Hasnah Muhammed. 2023. A Systematic Literature Review on Teaching Teachers Pedagogy Through Youtube Video Technology. *Journal of Digital Educational Technology*, 3(1): ep2301.
- Hasumi, T., & Chiu, C. Y. (2024). Explicit instructional language in digital language classrooms. *System*, 120, 103240.
- Lightbown, P. M., & Spada, N. (2021). *How languages are learned (5th ed.)*. Oxford: Oxford University Press.
- Maslinda Yahaya & Anuar Ahmad. 2025. The Use of Youtube on Students’ Interest and Achievement in Learning. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 15(7).
- Maziriri, E. T., Gapa, P. & Chuchu, T. 2020. Student perceptions towards the use of YouTube as an educational tool. *International Journal of Instruction*, 13(2): 119–138.
- Mohammad Shams Ud Duha, Tang, X., Matsuo, A., Zhu, B., & Maeda, Y. 2025. The Effect of Social Media Use on Language Learning: A Meta-Analysis. *System*, 137, 103931.
- Moorhouse, B. L. (2021). Adaptations to a face-to-face initial teacher education course “forced” online due to the COVID-19 pandemic. *Journal of Education for Teaching*, 47(1), 102–111.
- Nauryzbayeva, A. 2024. A study of professional identities of foreign non-native English-speaking teachers. *English Teaching* 79(2): 115–138.

- Nigar, N. 2024. Hybrid professional identities: exploring non-native English-speaking teachers' lived experiences through the Cyborg Manifesto. *Pedagogy, Culture & Society* (aop): 1–23.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan (Edisi ketiga)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Olivares-De la Fuente, P., Jiménez-García, E., & García-López, Ó. 2025. Twitter and YouTube as Digital Tools in Higher Education: A Systematic Review. *Frontiers in Education*, 10.
- Pannatier, S., & Betrancourt, M. (2023). Managing cognitive load in video-based learning: Effects of instructional design. *Learning and Instruction*, 87, 101771.
- Selvi, A. F., Rudolph, N., & Yazan, B. (2024). Rethinking native-speakerism in language teacher education. *TESOL Quarterly*, 58(1), 1–26.
- Tracy, S. J. (2020). *Qualitative research methods: Collecting evidence, crafting analysis, communicating impact* (2nd ed.). Hoboken, NJ: Wiley-Blackwell.
- Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). SAGE Publications.
- Zainal Abidin Ahmad. (1957). *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad. (2002). *Ilmu mengarang Melayu*. Edisi ejaan rumi baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.